

## Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Soroton

**Burhanuddin Jalal\*, Amnah Saayah Ismail, & Sayuti Ab Ghani**

*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*

*burhanuddin@upnm.edu.my\**

### ABSTRACT

The world is so advanced and Islamic dacwah facing many challenges especially intensifies the atmosphere of human life increasingly complex. Islam is basically able to answer and face the problems faced by the people. However, it depends on the ability of the preachers or dacwah vision and mission or organizations strategies of dacwah against targets related to the problems, culture and different characters. Since the problem very diverse and complex nature of the various ethnic groups, especially the variety, the preachers of today need to be able to play multiple roles in a homogenous society. This paper will try to discuss about the preacher needs to transform in order to be a relevant preacher of the present and future. To meet this need, the callers need to act as a counsellor, problem solvers and managers or as entrepreneurs. In such a manner, the process of Islamic dacwah in various ethnic groups will continue to grow and preachers can become agents of social change and to build a strong community of faith, morals, worship and mualamat.

Keywords: *challenge, ethnicity, preacher, transformation, worship*

### ABSTRAK

Dunia semakin maju dan cabaran dakwah Islamiah menghadapi pelbagai cabaran yang semakin hebat khususnya suasana kehidupan manusia yang semakin kompleks. Pada asasnya Islam mampu menjawab serta mendepani segala persoalan yang dihadapi oleh umat. Namun demikian, ia bergantung pada kemampuan para dai atau pendakwah serta wawasan pendakwah atau organisasi dakwah mengurus strategi dakwah terhadap sasaran dakwah yang berkait dengan masalah, budaya serta karakter yang berbeza. Oleh kerana masalah sasaran dakwah yang amat pelbagai dan kompleks sifatnya khususnya dari pelbagai etnik yang pelbagai, para pendakwah masa kini perlu mampu memainkan pelbagai peranan dalam masyarakat yang homogenous. Tujuan artikel untuk membincangkan tentang keperluan para pendakwah atau dai melakukan transformasi agar menjadi pendakwah yang relevan masa kini dan masa akan datang. Metod penulisan ialah secara analisis kandungan dan juga kajian perpustakaan. Bagi memenuhi keperluan tersebut, para pendakwah perlu bertindak sebagai kaunselor, penyelesai masalah, pengurus dan juga usahawan. Dengan cara yang sedemikian, proses dakwah Islamiah dalam pelbagai etnik akan terus berkembang dan pendakwah mampu menjadi agen perubahan sosial serta dapat membina masyarakat yang mantap dari segi akidah, akhlak, ibadah dan mualamat.

Kata kunci: *Cabaran, dakwah Islamiah, pendakwah, perubahan*

### PENDAHULUAN

Cabaran kehidupan semakin banyak dan memerlukan pelbagai kaedah serta kreativiti manusia untuk mengatasinya. Begitu juga dalam aspek dakwah yang turut merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia atau yang disebut sebagai cabaran atau halangan dalam melaksanakan dakwah Islamiah. Antara isu yang sering dibincangkan dalam cabaran dakwah Islamiah ialah seperti cabaran Kristianisasi, kemiskinan, perhubungan antara kaum, keciran dalam pendidikan, masalah ekonomi dan terkini berkaitan dengan Islamophobia dan juga hal-hal yang berhubung

dengan pertembungan tamadun atau sering disebut sebagai ‘clash of civilization’ dan juga perkara-perkara yang lain yang turut menjadi halangan dalam pelaksanaan dakwah Islamiah (Burhanuddin Jalal, 2018).

Perlu disedari bahawa pendapat merupakan agen perubah (agent of change) yang perlu mempunyai visi dan misi yang jelas tidak sekadar berkait dengan wawasan yang berhubung kait dengan agama Islam tetapi juga visi yang berhubung kait dengan isu dan masalah ekonomi, politik budaya dan lainnya yang juga berkait secara langsung dengan umat Islam untuk mengajak umat Islam ke arah kehidupan yang lebih baik serta sempurna (Ab Aziz Mohd Zin, 2001).

Istilah dai digunakan pakai untuk merujuk kepada orang yang berdakwah atau orang yang menyebarkan agama Islam. Abdullah Hassan (2001) berpendapat bahawa dai bermaksud, mengajak dan mengundang manusia kepada agama Allah, dengan maksud agar manusia beriman dan melaksanakan ajaran-ajaran agama. Dai juga sebagai teladan dari segi akhlak dan moral masyarakat sekeliling dan sekali gus dituntut lebih berkualiti serta mampu menterjemah dan mentafsir hal-hal yang berkaitan dengan dakwah Islamiah dalam kalangan masyarakat. Selaras dengan keperluan dan tuntutan umat seluruhnya, dai tidak hanya berfokus kepada isu-isu agama semata tetapi diharapkan juga dai mampu untuk menjawab serta membimbing masyarakat terhadap perkara-perkara dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat sekeliling dalam suasana semasa.

Pada asasnya Islam merupakan agama dakwah, iaitu agama yang mengajar dan membimbing penganutnya tentang kebenaran dan kebaikan untuk diamalkan dalam seluruh kehidupan merangkumi kehidupan bermasyarakat, sama ada masyarakat pluralistik, multi etnik ataupun homogenetik. Selain dari itu juga, dakwah Islamiah merupakan satu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu Muslim dalam kehidupan seharian berdasarkan kemampuan diri masing-masing. Perlu ditegaskan juga dalam konteks dakwah Islamiah, sesuatu strategi atau rancangan yang baik itu tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan cemerlang jika para pelaksananya tidak mempunyai keupayaan atau kemampuan yang boleh memenuhi keperluan tersebut. Zulkiple Abdul Ghani (2003) pula berpendapat, dai merupakan perencana atau pengelola dakwah yang dapat disebut sebagai pelaksana dakwah dan dai juga mempunyai peranan yang besar dalam memastikan keberhasilan dalam pelaksanaan usaha dakwah yang dilaksanakan.

Perlaksanaan dakwah Islamiah masa kini perlu mencakupi dakwah yang bijaksana dan kebaikan (bil hikmati hasanah). Program dakwah dan pengajaran agama perlu menjurus kepada tema ke arah keperluan masyarakat masa kini kerana ini akan memudahkan sampai kepada golongan sasaran secara lebih berkesan. Selain dari itu dalam usaha para pendakwah yang ingin menyampaikan ajaran serta nilai-nilai murni Islam, segala pesanan-pesanan dakwah tersebut mampu diterjemahkan atau dapat ditransformasikan daripada kata-kata kepada nyata. Menerusi pendekatan ini golongan sasaran akan merasakan lebih bermakna dan ilmu yang diperoleh itu benar-benar membawa makna dalam diri.

Bagi mewujudkan suasana tersebut, perlunya sumber dan daya kekuatan yang berketerampilan dalam aspek pelaksanaan dakwah selain dai yang hebat, berkualiti, profesional dalam setiap aspek. Perkembangan dan kemajuan dunia dalam segenap aspek, telah memberikan kesan atau masalah yang agak kompleks untuk diselesaikan secara mudah atau sambal lewa. Telah ramai pendakwah yang tampil atau melibatkan diri dalam usaha-usaha dakwah dalam masyarakat masa kini, tetapi hasilnya belum tentu dapat mengatasi masalah dakwah yang sedia ada secara jelas (Zulkiple Abd. Ghani, 2003).

Menyorot kepada keadaan pada masa kini, terdapat beberapa isu dakwah yang semakin kompleks. Antaranya ialah para pendakwah atau dai hanya menyampaikan ajaran Islam tanpa melakukan penilaian atau memikirkan tentang sejauh mana hasil pengajaran atau objek pengajaran berdasarkan pengajaran yang disampaikan. Dengan kata lain, para pendakwah sekadar ingin melepaskan tanggungjawab pengajaran tersebut tanpa memikirkan objektif dan hasil pembelajaran. Sedangkan berdakwah tidak sekadar melaksanakan kewajipan, tetapi ia juga perlu kepada perancangan yang jelas serta keperluan kepada penilaian agar usaha dakwah yang dilaksanakan menghasilkan impak yang berkesan (Abdullah Hassan, 2001).

Antara persoalan penting yang lain ialah, masalah ketiadaan gambaran yang jelas tentang usaha dakwah yang dilaksanakan. Para pendakwah masih gagal menguasai ‘peta dakwah’ kawasan setempat walaupun wawasan dakwah yang cukup hebat, tetapi tidak sesuai dengan sasaran dakwah. Sesebuah kelompok masyarakat biasanya mempunyai masalah, budaya dan karakter yang berbeza. Namun, masih ramai dalam kalangan pendakwah yang menyampaikan bahan-bahan dakwah dalam bentuk yang sama kepada khalayak. Jika keadaan ini diteruskan, tentunya matlamat dakwah tidak tercapai sepenuhnya (Badlisham Mohd Nasir, 2012).

Berdasarkan masalah tersebut, amat wajar para pendakwah atau dai perlu ditingkatkan kemampuan dan peranan mereka dalam masyarakat dengan kemahiran yang pelbagai atau ‘multi skill’ tanpa menjaskan identiti mereka sebagai pendakwah. Dengan erti kata lain kebolehan atau kemahiran pendakwah dalam pelbagai bidang merupakan satu bentuk transformasi setelah melalui proses dalam sejarah dan sosio-masyarakat sekeliling serta pelaksanaannya.

## TRANSFORMASI DAKWAH

Perkataan transformasi dalam Kamus Dewan (2015), bererti perubahan bentuk (sifat, rupa, keadaan dan sebagainya). Sementara dakwah itu merupakan rangkaian perjuangan agama yang selalu dikaitkan dengan aktiviti pengurusan (amaliyyah al idariyyah) secara professional untuk mempengaruhi, mengajak dan membimbing manusia menuju kebaikan ke arah Islam. Pengertian dakwah secara etimologi, dakwah berasal dari perkataan bahasa Arab iaitu da'a, yad'u, da'wan, du'a (Ba'albaki, Munir, al-Mawrid, 1982), yang bererti mengajak, menyeru, memanggil, seruan, permohonan dan permintaan. Istilah ini sering diberi erti yang sama dengan istilah-istilah tabligh, amar makruf dan nahi mungkar, mauizzah hasanah, tabsyir, inzar, washiah, tarbiyah, taa'lim dan khutbah.

Dalam pengertian lain dakwah dimaksudkan dengan ibadah, ajakan, permohonan (al-istighatahah) permintaan dan azam. Mengikut terminologi bahawa pengertian dakwah ialah mengajak manusia kepada kebaikan dan petunjuk, menyuruh yang baik dan melarang yang mungkar (al-amr bi al ma'ruf wa an-nahyl al-munkar) untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat, dan kategori ini terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama, dakwah umat Nabi Muhammad SAW kepada sekalian umat untuk memeluk agama Islam. Kedua, dakwah kepada sesama umat Islam agar sentiasa melakukan kebaikan, ketiga, dakwah kepada diri masing-masing untuk mengerakkan kebaikan sekali gus mendorong untuk melakukannya (Ali Mahfuz, 1984).

Berdasarkan pengertian di atas baik secara etimologi atau terminologi, dakwah dapat diertikan dengan setiap ajakan baik melalui perkataan, tulisan ataupun sikap sama ada ajakan tersebut ke arah kebaikan ataupun kejahatan. Pengertian ini dijelaskan dalam al-Quran yang menyebut bahawa dakwah tidak sahaja dimaksudkan terhadap hal-hal yang baik, bahkan ajakan kepada perkara-perkara yang tidak baik juga disebut dengan dakwah. Ini sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Mukminun ayat 145, Allah berfirman,

*"Dan Wahai kaumku! apa halnya Aku Dengan kamu? Aku mengajak kamu kepada keselamatan, dan kamu pula mengajakku ke neraka? Kamu mengajakku supaya Aku kufur (tidak percayakan keesaan) Allah dan mempersekuatkan Nya Dengan apa yang Aku tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, padahal Aku mengajak kamu beriman kepada Allah yang Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun".*

Berdasarkan ayat di atas dapat difahami bahawa kata dakwah dalam bentuk yang neutral iaitu mengajak sesuatu perkara yang baik atau yang tidak baik. Menurut al-Syawkani (1973) dakwah kepada kebaikan ialah mengajak manusia untuk masuk syurga dan menghindari masuk neraka dengan iman kepada Allah dan mematuhi seruan-seruan Rasulullah. Sementara dakwah yang tidak baik pula ialah mengajak manusia untuk masuk ke neraka dengan cara mempersekuatkan Allah atau syirik.

Pandangan al-Syawkani itu tidak jauh bezanya dengan pandangan al-Razi (t.th) dalam kitab tafsirnya Mafatih al-Ghayb yang menyebut bahawa yang dimaksudkan dengan dakwah kepada kebaikan ialah menyeru manusia kepada keimanan yang dapat memberikan keselamatan kepada mereka, sedangkan yang dimaksudkan dengan dakwah kepada kejahanan ialah mengajak manusia kepada kekufuran sehingga seseorang itu terjerumus ke dalam neraka.

Berhubung dakwah ke jalan Allah SWT, Ali Mahfuz (t.th) telah membahagikannya kepada empat tahap iaitu yang pertama, melaksanakan dakwah ke jalan Allah menerusi pedang atau peperangan. Kedua melaksanakan dakwah dengan cara pendekatan yang telah dilakukan seperti para nabi dan rasul iaitu dengan memberikan contoh-contoh kebaikan. Ketiga, dakwah dengan memberikan penumpuan kepada persoalan hati dengan mendidik dan memberikan rangsangan dan kehidupan kepada hati. Keempat, dakwah menuju ketuhanan yang bermaksud mendahulukan segala kepentingan dan ketetapan yang telah ditentukan Allah SWT berbanding dengan yang lain.

Dakwah juga merupakan usaha perpindahan paradigma umat manusia kepada suatu tahap yang sesuai dengan tabiat semula jadi manusia ciptaan Allah SWT (Abu Za'id Ahmad Mahmud, 2003). Ini bermaksud, perpindahan berasaskan kesedaran daripada kekufuran kepada keislaman, kejahanan kepada kebaikan, kesesatan kepada kebaikan, kesesatan kepada hidayah, negatif pada positif dan perkara-perkara buruk kepada kebaikan.

Selain dari itu, dakwah juga bermaksud sebagai usaha mengubah suatu situasi kepada situasi yang lebih baik dan sempurna, baik terhadap peribadi, organisasi ataupun masyarakat. Dakwah bukan sahaja sekadar usaha peningkatan pemahaman keagamaan, tingkah laku dan pandangan hidup sahaja, tetapi juga menuju sasaran yang lebih luas. Apatah lagi pada masa kini dakwah harus lebih berperanan menuju kepada pelaksanaan ajaran Islam secara lebih holistik dalam pelbagai aspek kehidupan (Abdul Aziz Mohd Zin, 2001).

Berdasarkan definisi yang telah diberikan, walaupun agak berbeza, namun dapat disimpulkan bahawa inti pati dakwah merupakan aktiviti dan tindakan untuk mengubah manusia, baik individu ataupun masyarakat dari keadaan yang tidak baik kepada keadaan yang lebih baik. Selain dari itu istilah dakwah mencakupi pengertian berikut:

- a. Dakwah ialah suatu aktiviti atau kegiatan yang bersifat menyeru atau mengajak orang lain untuk mengamalkan ajaran Islam.
- b. Dakwah ialah proses penyampaian ajaran Islam yang dilakukan secara sedar dan sengaja.
- c. Dakwah ialah suatu aktiviti yang pelaksanaannya dilakukan dengan berbagai-bagai cara dan kaedah.

- d. Dakwah ialah kegiatan yang dirancang dengan tujuan mencari kebahagiaan hidup dengan mencari keredaan Allah.
- e. Dakwah ialah usaha peningkatan pemahaman keagamaan untuk mengubah pandangan hidup, sikap batin dan perilaku manusia yang tidak sesuai dengan ajaran Islam menjadi sesuai dengan tuntunan syariat bagi memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Manakala dai atau pendakwah pula ialah seseorang yang melakukan ajakan atau orang yang menyampaikan ajaran (mubaligh). Aspek dakwah merupakan unsur yang penting dalam pelaksanaan dakwah kerana seorang pendakwah atau dai akan menjadi pemandu atau jambatan dalam usaha penyampaian dakwah tersebut kepada golongan Sasaran berdasarkan bahan-bahan dakwah yang benar. Seorang pendakwah atau dai diharapkan mampu untuk memujuk, memenangi atau ‘mengetuk’ hati golongan Sasaran secara profesional agar pengajaran yang ingin disampaikan dapat diterima oleh masyarakat (Burhanuddin Jalal, 2018).

## **CABARAN DAN PELUANG DAKWAH MASA KINI**

Kita kini memasuki milenium baru, dan tentunya dunia dakwah turut menghadapi cabaran yang baru yang lebih kompleks sifatnya. Untuk itu pengajian terhadap dakwah perlu terus dilakukan dalam konteks ruang yang lebih luas dan mendalam. Pada masa kini juga fenomena sosial juga lebih kompleks berdasarkan bentuk masyarakat yang lebih kompleks dan homogeneous. Kesan dari perubahan ini telah mengakibatkan para dai hari ini perlunya membuat ‘kerja rumah’ atau ‘homework’ yang lebih banyak bagi mengenal Sasaran dakwah masing-masing. Namun, di sisi yang lain peluang dan ruang untuk dakwah amat besar. Peluang tersebut akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pendakwah jika para pendakwah bersedia serta mampu memperbaiki prestasi mereka sebagai pendakwah. Secara umumnya terdapat tiga masalah utama dalam kalangan pendakwah dalam menghadapi cabaran ini (Burhanuddin Jalal, 2018).

- a. Wujudnya penyempitan kaedah dakwah dalam kalangan pendakwah. Masih ramai dalam kalangan pendakwah yang berpendapat bahawa dakwah sudah memadai disampaikan secara lisan atau berceramah kepada khalayak dengan bahasa yang mudah, terdapatnya unsur jenaka yang menghiburkan serta dapat menggembirakan khalayak yang hadir. Kesannya para pendakwah telah berasa cukup atau berada di zon selesa (comfort zone), sekali gus lupa atau kurang bersedia untuk terus menerokai kaedah dakwah yang lain. Sedangkan aspek dan kaedah berdakwah itu amat luas dan banyak lagi pendekatan dakwah yang mungkin kita belum terokai secara maksimum. Sesungguhnya para pendakwah perlu bersikap terbuka dan berlapang dada (open minded) serta menyedari bahawa konsep dakwah yang hakiki terpancar dalam pelbagai bentuk interaksi dengan masyarakat dan khalayak.
- b. Tiada pergerakan, penambahan atau penguasaan ilmu yang dimiliki dalam kalangan pendakwah. Al-Quran sebagai wahyu dari Allah merupakan sesuatu yang mutlak dan tidak berubah. Namun pentafsiran dan pemahaman manusia terhadap wahyu akan selalu berkembang mengikut peredaran zaman. Perubahan pentafsiran perlu difahami dengan baik dan bijaksana oleh para pendakwah sebagai maklumat tambahan dan pengembangan bahan dakwah. Pendakwah yang gagal memahami keadaan ini akan terus melakukan pengulangan bahan dakwah, bersikap kaku, fanatik terhadap sesuatu hukum tanpa menganalisis keadaan dan keperluan atau kehendak khalayak. Selain dari itu budaya sikap kritis yang dimiliki oleh masyarakat boleh dijadikan asas penting untuk para pendakwah mengembangkan cara dakwah dari bentuk lama kepada bentuk baru yang lebih kreatif dan inovatif.
- c. Pengurusan dakwah yang dilakukan oleh para pendakwah masih bersifat konvensional atau masih menggunakan kaedah atau cara lama. Secara umumnya terdapat masalah atau kelemahan dakwah yang berpunca dari masalah dalaman. Antara aspek kelemahan dalaman

dakwah yang sering disebutkan ialah seperti kelemahan dalam sistem, kaedah, metode dan juga kemudahan-kemudahan atau prasarana yang digunakan dalam berdakwah. (Rozhan Othman, 1990). Kelemahan tersebut timbul kerana terdapatnya perspektif yang berbeza, melihat pendakwah sebagai individu dan juga keyakinan untuk mengurus dakwah dari pendekatan pengurusan organisasi kerana melihat dakwah jika diutus secara profesional ia dianggap sebagai mengkomersialkan dakwah.

## **TRANSFORMASI PENGURUSAN DAKWAH MELALUI PENDEKATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

Pepatah Arab ada menyebut, “faqidu asy-syi’ la yu’thi” (seseorang tidak boleh memberi jika ia tidak ada sesuatu). Kata-kata hikmat ini perlu dihayati oleh setiap pendakwah walau di mana dirinya berada. Dakwah merupakan suatu kewajipan bagi setiap individu dan dakwah boleh dilakukan di mana sahaja dan tidak terbatas. Dakwah bukan hanya di atas pentas ceramah, mimbar, surau, masjid dalam majlis ilmu tetapi ia luas serta terbuka di mana sahaja. Seorang pendakwah atau dai yang benar-benar memahami erti dakwah Islamiah ia akan menggunakan kesemua medium dakwah yang ada atau yang termampu oleh dirinya untuk melaksanakan kerja-kerja dakwah di mana sahaja.

Dalam konteks masyarakat kita, pendakwah atau dai sering digambarkan dengan seorang ustaz atau tuan guru yang memakai baju Melayu, berkain pelikat, berserban dan memegang tasbih. Cara pandangan masyarakat terhadap golongan pendakwah terhadap golongan pendakwah ini tidak selalunya salah tetapi yang silap ialah penilaian tersebut telah menjadi satu pengenalan umum kepada golongan pendakwah. Persepsi atau gambaran tersebut perlu diubah kepada watak atau penampilan yang lebih hebat bagi seorang pendakwah bagi memastikan dakwah yang disampaikan lebih berjaya dan berkesan. Perkembangan dan kemajuan masyarakat yang ada pada hari ini perlu diikuti oleh para pendakwah dan pendakwah perlu bersedia dengan ‘penetapan agenda’ atau (agenda setting) oleh masyarakat terhadap dakwah yang ingin disampaikan. Berikut dicadangkan tentang keperluan para pendakwah atau dai melakukan transformasi agar menjadi pendakwah yang relevan masa kini dan masa akan datang. Bagi memenuhi keperluan tersebut, para pendakwah perlu bertindak sebagai kaunselor, penyelesai masalah, pengurus dan juga usahawan. Dengan cara yang sedemikian, proses dakwah Islamiah dalam pelbagai etnik akan terus berkembang dan pendakwah mampu menjadi agen perubahan sosial serta dapat membina masyarakat yang mantap dari segi akidah, akhlak, ibadah dan muamalat.

### **Peranan Pendakwah (Dai) Sebagai Jurubicara (Komunikator)**

Peranan pendakwah (dai atau mubaligh) amat penting sekali. Pendakwah sebagai teras utama pelaksanaan usaha dakwah perlu menguasai aspek asas atau perkara-perkara strategik dalam pelaksanaan usaha dakwah seperti mengenal khalayak, perancangan program, penentuan metodologi, penentuan media dakwah serta menguasai aspek dan kaedah atau media yang sesuai untuk digunakan alam usaha pelaksanaan dakwah keadaan khalayak yang telah ditentukan. Pada asasnya juga pendakwah merupakan juru bicara umat dalam organisasi masyarakat. Selain dari mendidik dan menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat, pendakwah juga perlu menjadi juru bicara umat tentang isu-isu tertentu untuk disampaikan kepada pihak pemerintah serta menjadi penggerak masyarakat ke arah kemajuan dan kesedaran sosial yang lain sekali gus penggerak kepada masyarakat yang berilmu, beradab dan prihatin.

Suasana masyarakat pada masa kini juga telah berubah dan masyarakat hari ini disebut sebagai masyarakat yang bermaklumat serta kemudahan untuk mendapatkan pelbagai maklumat

semakin mudah dengan adanya kemudahan pelbagai media cetak, elektronik, internet serta media sosial yang lain. Kebolehan penguasaan maklumat dalam kalangan masyarakat telah membantu mereka mendapatkan pelbagai maklumat sekali gus dapat mempengaruhi pendapat umum (public opinion) serta menguasai sikap, fikiran dan perilaku orang lain (Hamdan Adnan, 1999). Oleh yang demikian dakwah Islamiah yang menjadi salah satu bentuk dalam penyampaian maklumat khususnya tentang ajaran agama perlu dilakukan oleh individu yang mengetahui serta mendapat maklumat tentang ilmu komunikasi serta mampu menjadi jurubicara yang baik. Beberapa perkara yang perlu dikuasai oleh pendakwah berhubung dengan penguasaan ilmu komunikasi ialah seperti berikut:

- a. Kebolehan dalam pengucapan umum yang baik. Kemampuan dalam pengucapan umum amat penting kepada pendakwah kerana persepsi umum masyarakat kepada pendakwah ialah kebolehan bercakap atau bersyarah dengan baik. Kebolehan pendakwah dalam pengucapan umum serta menguasai pelbagai kaedah pengucapan tidak boleh dibuat-buat tetapi ia perlu dikuasai serta dilatih dan juga sesuai dengan keperibadian pendakwah (Abdullah Hassan, 2001).
- b. Mempunyai pengetahuan tentang ilmu psikologi. Mempunyai pengetahuan dalam Ilmu psikologi akan dapat membantu pendakwah menjalankan peranan dengan lebih baik dan berkesan. Ini dapat membantu pendakwah lebih mengetahui dan mengenal sikap, karakter, kecenderungan serta tingkah laku sasaran dakwah, sekali gus dapat menentukan kaedah penyampaian atau pendekatan dawah yang lebih berkesan (Abdullah Hassan, 2001).
- c. Berkebolehan menguasai serta manfaatkan pelbagai media untuk berdakwah. Pendakwah masa kini perlu menguasai teknologi dan diharapkan bukan lagi yang ‘buta teknologi’. Perkembangan media elektronik atau dunia teknologi maklumat masa kini perlu dikuasai sepenuhnya oleh para pendakwah. Bahan-bahan dakwah yang lama, lapuk dan tidak seiring dengan maklumat kelompok sasaran mungkin menyebabkan khalayak hilang minat atau menganggap pendakwah ketinggalan dari aspek teknologi atau maklumat semasa. Oleh itu pendakwah perlu manfaatkan media dan teknologi yang ada dan bahan pengucapan umum juga perlu turut menampilkan gambar, video, kartun atau audio yang boleh merangsang minat golongan sasaran (Danial Zainal Abidin, 2003).

### **Pendakwah Sebagai Kaunselor**

Para pendakwah juga perlu bertindak sebagai kaunselor. Faktor saling bertemu serta saling berhubungan itu dapat membantu pendakwah untuk mendekati kumpulan sasaran dakwah dan mereka perlu berinteraksi dengan lebih rapat seumpama klien dan kaunselor bagi memudahkan pemahaman, keyakinan dan pemujukan ke arah kebaikan Islam dapat dicapai dengan lebih cepat. Pendakwah perlu memiliki kemahiran seorang kaunselor seperti keunggulan peribadi, pengetahuan yang meyakinkan, wawasan yang jelas, nilai-nilai keyakinan dan kepercayaan dan sentiasa bersedia untuk mendengar segala permasalahan klien. Pendakwah yang juga sebagai kaunselor turut mampu untuk berperanan seperti berikut:

- a. Mendampingi dan membina masyarakat. Perkara ini tidak dapat dibina secara formal, kaku atau dalam tempoh yang singkat. Ianya dapat dibina dengan saling berinteraksi dan bergaul dengan khalayak dan pendakwah mampu untuk menyesuaikan diri dengan semua lapisan kelompok masyarakat, sentiasa taat beribadat bersama masyarakat serta mampu untuk berinteraksi dengan kelompok non-Muslim. Dalam kehidupan bermasyarakat para pendakwah juga bersedia untuk bertoleransi dan fleksibel demi kepentingan dakwah Islamiah. Maksudnya, pendakwah tidak boleh terlalu cepat mengeluarkan hukum atas sesuatu perkara dan pendakwah perlu tahu untuk mencari sebab musabab sesuatu perkara serta mendalami sejarah, sifat, budaya dan amalan masyarakat setempat serta mampu untuk memberikan jalan keluar bagi setiap permasalahan yang berlaku dalam masyarakat (Danial Zainal Abidin, 2003).

- b. Mendampingi dan membina saudara baru. Perlu diakui bahawa hingga kini pada umumnya pendakwah gagal untuk mendampingi para saudara baru sepenuhnya. Sedangkan saudara baru yang telah berhijrah itu kemungkinannya telah kehilangan segalanya dalam kehidupan mereka. Kegagalan kita untuk menjadikan mereka saudara seagama dan sama iman mungkin memberi impak yang negatif kepada sebahagian yang lain sedangkan dalam agama Islam seperti yang telah para pendakwah tekuni perlu mengambil berat terhadap mereka dengan sepenuhnya. Untuk menyelami dan mempraktikkan perkara ini para pendakwah perlu melibatkan diri dengan organisasi yang mengurus saudara baru ini seperti PERKIM, Islamic Outreach ABIM, Darul Saadah, Jabatan Hal ehwal Orang Asli serta badan-badan dakwah yang lain. Dengan penglibatan ini para pendakwah akan dapat merasai lebih keprihatinan terhadap susah senang saudara baru, pengorbanan terhadap agama serta pengalaman kehidupan saudara baru. Kesemua ini dapat membantu menambahkan lagi maklumat dan pengetahuan tentang isu-isu dakwah (Abdul Ghafar Don, 2012).
- c. Mendampingi generasi muda. Generasi muda merupakan generasi pelapis dan pemimpin masa depan. Kemajuan dunia dan konsep langit terbuka pada hari ini telah menyebabkan generasi muda banyak terdedah kepada unsur negatif pelbagai perkara melalui fesyen, filem, makanan, sukan, nyanyian, budaya dan sebagainya. Pendakwah perlu mendampingi generasi muda bagi membolehkan untuk membuat tapisan dan tindakan yang perlu diberikan kepada generasi muda. Untuk itu pendakwah perlu memahami perasaan dan kehendak generasi muda dan turut serta dalam aktiviti yang positif. Penglibatan atau ikut serta dengan golongan muda, akan memberikan peluang kepada generasi muda untuk saling bertanggungjawab, mencari identiti diri serta menyalurkan perkara yang betul kepada generasi muda (Muhamad Faisal Asha`Ari. 2015).

Kemampuan pendakwah untuk berperanan sebagai kaunselor dapat dibina menerusi tiga pendekatan, iaitu: Pertama: Pendakwah perlu mendekati khalayak sasaran dakwah serta sentiasa berhubung rapat dengan mereka. Kedua: Membina perasaan dan sikap saling mempercayai antara pendakwah dan khalayak sasaran. Ketiga: Pendakwah sentiasa bersikap sabar terhadap khalayak. Dengan sikap sabar dan saling mempercayai akan terbinalah hubungan yang akrab dan saling menerima. Kesemua ini akan menumbuhkan sikap kepercayaan khalayak kepada pendakwah dan kesemua ini akan membawa nilai-nilai positif dalam masyarakat yang hendak dibina dengan jalan dakwah Islamiah.

### **Pendakwah Sebagai Penyelesaian Masalah (Problem Solver)**

Pada umumnya pendakwah bukan sahaja berperanan untuk menyampaikan pengajian serta pengetahuan yang berkaitan dengan ajaran Islam, tetapi pendakwah juga berperanan sebagai penyelesaian kepada pelbagai masalah yang timbul dalam proses pemahaman dan pentafsiran khalayak dalam aspek agama. Untuk itu pendakwah perlu bersedia untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Untuk itu beberapa tindakan perlu dilakukan oleh pendakwah iaitu:

- a. Mempunyai banyak data dan maklumat yang berhubung dengan pelbagai masalah agama dalam masyarakat melalui buku-buku, internet, badan-badan dakwah atau Majlis Agama Islam serta JAKIM.
- b. Memahami kedudukan dan pandangan masyarakat setempat khususnya berkaitan dengan aspek budaya dan sosiopolitik. Dengan memahami kecenderungan masyarakat setempat, pendakwah mudah untuk menyelesaikan masalah jika timbul.
- c. Bersedia untuk bergaul mesra dengan masyarakat. Dengan cara ini pendakwah dan masyarakat akan mesra dan halangan, jurang antara pendakwah dan khalayak dapat dikurangkan.

- d. Saling bekerjasama dalam organisasi sosial dan keagamaan. Tindakan ini akan dapat menambahkan jaringan sosial pendakwah dengan masyarakat dan memudahkan gerak kerja yang akan dilakukan dalam usaha-usaha dakwah Islamiah yang dilakukan secara organisasi (Azizee Hasan, 2011).

Kesemua tindakan ini akan dapat membina sikap saling percaya antara pendakwah dan khalayak, saling bersedia untuk melaksanakan aktiviti dan ingin mencapai ke tahap yang ideal, berkembangnya aspek kehidupan bersosial, kefahaman politik, peningkatan maklumat dan akhirnya pendakwah dan khalayak mampu untuk menyelesaikan masalah secara bersama dan menjayakan dakwah Islamiah secara bersama dalam masyarakat.

### **Pendakwah Sebagai Pengurus**

Sebagai individu yang menjadi teras kepada pelaksanaan usaha-usaha dakwah Islamiah, pendakwah juga perlu mampu menjadi pengurus yang baik. Ini bermaksud pendakwah mampu untuk menjadi pengurus yang baik untuk mengelola, merancang dan melaksana program dakwah. Untuk itu, beberapa ciri pengurus yang baik perlu ada pada diri pendakwah iaitu:

- a. Mempunyai siap positif dalam diri dan sentiasa bersedia untuk berdikari dalam apa jua keadaan.
- b. Mampu menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada masyarakat ke arah kebaikan.
- c. Mampu mengurus program dakwah dengan baik dan berkesan (Fariza Md. Sham, 2015).

### **Pendakwah Sebagai Usahawan**

Dakwah merupakan satu bentuk amalan yang berteraskan agama dan untuk itu ia memerlukan kesungguhan serta keikhlasan. Namun begitu, sebagai insan biasa pendakwah turut memerlukan perbelanjaan untuk kehidupan untuk diri serta keluarga. Sekiranya ini dapat dipenuhi sudah tentu kerja-kerja dakwah dapat diuruskan dengan baik dan sempurna. Oleh yang demikian, menjadi satu kewajipan untuk pendakwah bertindak sebagai seorang usahawan dalam rangka melaksanakan kerja-kerja dakwah. Ini bermaksud, pendakwah tidak boleh mengharapkan belas ihsan orang lain untuk melaksanakan kerja-kerja dakwah yang turut memerlukan sumber kewangan dan perbelanjaan. Untuk itu pendakwah perlu bertindak sebagai usahawan bagi mencari dana untuk menjayakan kerja-kerja dakwah yang banyak cabangnya itu. Beberapa tindakan perlu dilakukan oleh pendakwah bagi usaha-usaha mencari dana, antaranya ialah:

- a. Berani untuk bertindak dan memulakan untuk mencari dana kewangan. Ini penting bagi melaksanakan kerja-kerja dakwah dan tidak sekadar mengharapkan belas kasihan orang lain atau sekadar mengharap peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan atau agensi tertentu.
- b. Tidak mudah putus asa. Untuk menjayakan kerja-kerja yang baik, tentunya sentiasa ada cabaran dan halangan tertentu. Oleh yang demikian pendakwah diharapkan tidak mudah putus asa atau mudah menyerah kalau sekiranya ada cabaran atau halangan yang menimpa ketika usaha-usaha dakwah hendak dilaksanakan.
- c. Sentiasa bekerja keras. Untuk berjaya dalam bidang perniagaan atau keusahawanan seseorang itu perlu bekerja keras tanpa mengenal penat lelah. Begitulah juga dengan dakwah. Pendakwah perlu terus berusaha tanpa mengenal penat lelah atau susah payah bagi memastikan dakwah yang dilaksanakan berjaya dan mencapai objektif serta mendapat keredaan Allah dan tambahan pula kita ‘berniaga’ dengan Allah SWT bagi memperoleh keredaan dunia dan akhirat (Khoirul Fadli, 2010).

Ternyata pelbagai peranan pendakwah seperti yang telah disebutkan merupakan cabaran yang perlu ditempuh oleh setiap pendakwah. Transformasi peranan pendakwah dianggap berhasil dan tercapai sekiranya usaha-usaha yang telah dilakukan itu sebagai satu usaha untuk membina

umat yang lebih baik pada masa hadapan serta bersedia untuk berubah ke arah kebaikan dari segi ekonomi, politik, sosial dan budaya.

## KESIMPULAN

Proses perubahan dalam dakwah Islamiah telah dimulakan oleh pendakwah terdahulu yang telah dicatatkan melalui sejarah dan peradaban Islam. Golongan awal ini telah memulakannya dan kita sebagai pendakwah yang meneruskan legasi perjuangan menegakkan Islam perlu terus berusaha untuk menyampaikan dakwah Islahiah di muka bumi ini. Ini bermaksud dakwah yang kita lakukan itu mempunyai dua aspek penting iaitu dakwah sebagai proses komunikasi dan juga dakwah sebagai proses perubahan sosial. Dakwah sebagai proses perubahan komunikasi berperanan untuk menyampaikan pesanan-pesanan dan para pendakwah sebagai jurubicara umat kepada golongan sasaran dakwah melalui pelbagai cara dan kaedah agar berlakunya perubahan dalam kalangan khalayak atau sasaran dakwah dari segi pengetahuan, tindakan dan sikap atau dengan kata lain perubahan yang lebih Islamik dalam aspek akidah, ibadah dan muamalah.

Sementara dakwah dalam proses perubahan sosial pula, ia berperanan sebagai satu usaha untuk melakukan perubahan nilai dalam masyarakat sesuai dengan tujuan dakwah Islamiah. Ini kerana dakwah pada hakikatnya ialah manifestasi suatu sistem manusia yang beriman yang dilakukan secara teratur dalam masyarakat, sekali gus mempengaruhi cara berfikir dan cara merasa dalam diri secara individu dan juga dalam sosio-masyarakat dalam rangka membina ajaran Islam dalam seluruh bentuk kehidupan.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zain. (2001). *Metodologi dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don. (2012). *Da'wah through social services method: The experience of the department of da'wah and leadership studies, National University of Malaysia*. Journal of Advances in Natural and Applied Sciences. Vol 6 Issue no. 4 pg 545.
- Abdullah Hassan. (2001). *Komunikasi untuk pendakwah: Panduan mengubah sikap dan tingkah laku orang lain*. Bentong: PTS Publications.
- Abu Za'id, Ahmad Mahmud. (2003). *Pendakwah masa kini: sikap & pendekatan*. Terjemahan. Usamah Hussein. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
- Ali Mahfuz. (t.th). *Hidayah al-Murshidin Ila Turuq al-W'z wa al-Khitabah*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Azizee Hasan. (2011). *Kaedah Berdakwah di Jalan Allah*. Kuala Lumpur: Percetakan Salam Sdn. Bhd.
- Ba'albaki, Munir. (1982). *al-Mawrid*. Bayrut: Dar al-'Ilm al-Malayin.
- Badlisham Mohd Nasir. (2012) *Islam dan Dakwah dalam Zaman Kebangkitan Awal Islam dan Era Penjajahan Barat di Tanah Melayu*. Jurnal Islamiyyat Vol 34, muka surat 12.
- Burhanuddin Jalal. (2018). *Dakwah Askari di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Danial Zainal Abidin. (2003). *Bahan untuk berdakwah zaman moden*. Kuala Lumpur: PTS Publishing.
- Fariza Md. Sham. (2015). *Kemahiran psikologi dakwah kepada golongan remaja*. Jurnal Hikmah. Vol. 7 No. 1 muka surat 33.
- Khoirul Fadli. (2010). *Peranan Pendakwah Dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam Program Pengajian Islam Akademi Pengajian Islam (Bahan tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya

- Mahfuz, Ali. (1984). *Fan al-Khitabah wa I'dad al-Khatib*. al-Qahirah: Dar al-I'tisam.
- Mohd. Hamdan Haji Adnan. (1999). *Pendapat umum*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Faisal Asha'Ari. (2015). *The improvement of teaching and learning in the course "Da'wah production in electronic media" through scripts and hosting* dalam Journal Turkish Online Journal of Educational Technology Volume 2015 pg 666
- Razi, Fakhr al-Din. (t.th). *al-Tafsir al-kabir aw mafatih al-ghayb*. Jil. 27. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Rozhan Othman. (1990). *Pengurusan dakwah*. Shah Alam: Ummah Media ummah.
- Shawkani, Muhammad Ali. 1973. *Fath al-qadir al-Jamai Bayna fann al-riwayah wa al-dirayah min ilm al-tafsir*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Teuku Iskandar et.al. (2015). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2003). *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Geran Jangka Pendek Universiti Pertahanan Nasional Malaysia no. Kod UPNM/2016/GPJP/4/SS1/1.

Burhanuddin Jalal  
*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*  
Emel: burhanuddin @ upnm.edu.my

Amnah Saayah Ismail  
*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*  
amnah.ve5@gmail.com

Sayuti Ab Ghani  
*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*  
sayuti\_70@yahoo.com